

Papar

yang Terpapar

Oleh MOHD SALLEH LEBAR

DI SABAH atau “negeri di bawah bayu” terdapat beberapa buah pekan kecil yang indah di sebelah pantai barat. Antaranya Papar, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu, dan beberapa buah pekan lagi.

Pengunjung yang ke Sabah sebenarnya tidak menghadapi masalah untuk ke pekan Papar yang terletak tidak berapa jauh dari Kota Kinabalu. Perjalanan mengambil masa lebih kurang 30 minit melalui lebuh raya, dan 45 minit melalui jalan lama yang berliku-liku.

Dengan melalui jalan lama yang berliku-liku, pengunjung akan dapat melihat keindahan sawah padi yang kebanyakannya diusahakan oleh masyarakat Kadazan-Dusun. Sese-tengah daripada mereka menggunakan kaedah tradisional seperti kerbau untuk membajak sawah. Malah mereka masih lagi menggunakan “orang-orang” yang diletakkan di tengah-tengah sawah untuk menakutkan burung yang cuba memakan padi.

Perjalanan ke pekan Papar tidaklah begitu sibuk kerana perkampungan yang terdapat di sini terletak berjauhan antara



Papar kaya dengan pelbagai budaya.

satu dengan lain. Sebaliknya lebuh raya agak sibuk kerana banyak penempatan atau kampung baru yang dibuka seperti di Kinarut, Kawang, dan Penggalat Besar yang terletak tidak berapa jauh dari pekan Papar.

Sepanjang perjalanan ke Papar, pengunjung boleh memerhatikan keindahan kawasan pantai yang bersih, rumah-

rumah yang baru dibina, kawasan perusahaan kecil, dan calet yang tumbuh seperti cendawan di pesisiran pantai. Di samping itu pengunjung boleh juga menaiki kereta api dari Kota Kinabalu ke pekan Tenom yang terletak di bahagian selatan negeri Sabah. Perkhidmatan kereta api digunakan sejak zaman pemerintahan Inggeris.

Pekan Papar tidaklah begitu jauh bezanya daripada pekan-pekan lain di seluruh Malaysia. Keadaan fizikalnya sama sahaja dari segi struktur bangunan, kemudahan jalan raya, kemudahan awam seperti pasar, hospital, bank, kedai-kedai, penempatan rumah-rumah kampung, dan sebagainya.

Papar terletak berhampiran dengan Sungai Papar dan jalan utama lebuh raya pantai barat Sabah. Keluasan pekan Papar

hampir-hampir sama dengan keluasan pekan Kuala Berang di Terengganu atau pekan Baling di Kedah.

Sebagai sebuah pekan yang mempunyai seorang Pegawai Daerah, pekan Papar sentiasa dijaga dan dibangunkan supaya seluruh penduduk di kawasan pekan Papar mendapat manfaatnya. Antara kaum yang paling ramai di kawasan



Setiap kaum di Papar bebas mengamalkan cara hidup mereka.

pekan Papar ialah Melayu-Brunei, Kadazan-Dusun, Cina, Bajau, dan lain-lain lagi.

Kebanyakan kaum Melayu-Brunei tinggal di Kampung Buang Sayang yang terletak berhampiran dengan Sungai Papar dan Kampung Kuala yang terletak berhampiran pekan Papar. Kebanyakan generasi muda kaum Melayu-Brunei memperoleh pendidikan yang sempurna.

Sebahagian besar generasi muda kaum Melayu-Brunei bekerja sebagai pegawai kerajaan kumpulan A, guru, pegawai atau pembantu pentadbir, jururawat, polis, berniaga di kedai-kedai makan, dan pelbagai lagi aktiviti pekerjaan yang lain.

Kaum wanita Melayu-Brunei pula banyak yang terlibat dalam aktiviti membuat kuih, membuat belacan, dan ber-

niaga secara kecil-kecilan di pasar. Belacan yang dihasilkan di Papar mempunyai keistimewaan tersendiri. Kebanyakan pengunjung yang telah merasai belacan Papar menganggapnya sebagai belacan yang tersedap di Malaysia.

Kaum Kadazan-Dusun pula kebanyakannya bekerja sebagai petani dan tinggal berhampiran jalan Papar lama. Kebanyakan rumah mereka berbentuk dua tingkat, di bahagian bawah rumah dibiarkan kosong untuk memudahkan mereka menyimpan hasil pertanian di bawah rumah.

Sementara itu terdapat juga kaum Kadazan-Dusun yang tinggal di pinggir bukit atau hutan untuk memudahkan mereka menanam padi, jagung, memelihara kerbau, babi, menjual hasil-hasil pertanian, dan sebagainya.

Namun dengan perubahan arus pemo-

denan sekarang, kebanyakan anak muda kaum Kadazan-Dusun tidak lagi berminat untuk menjadi petani. Bagi mereka yang mempunyai pendidikan hingga ke peringkat menengah, kebanyakannya berhijrah ke Bandar Raya Kota Kinabalu untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.

Seperti biasa, kaum Cina di pekan Papar kebanyakannya berniaga. Mereka membuka restoran, kedai pakaian, kedai barang runcit, kedai elektrik, dan berniaga di pasar. Di pekan Papar lama kebanyakan bangunan kedainya diperbuat daripada kayu.

Terdapat juga orang Cina yang berniaga di kedai baru yang dibina lebih kurang 15 tahun yang lalu. Kedai baru yang dibuat daripada batu menggantikan kedai lama yang usang. Antara pekan Papar lama dan kawasan kedai baru yang dibina tidaklah berapa jauh, hanya



Sawah padi yang terbentang luas merupakan pemandangan yang biasa di Papar.

disempadani oleh sebatang jalan besar sahaja.

Satu lagi suku kaum yang terdapat di daerah Papar ialah Bajau. Walau bagaimanapun, bilangannya tidaklah begitu ramai kerana tempat tumpuannya di Kota Belud, sebuah pekan di utara Bandar Raya Kota Kinabalu dan juga Semporna di pantai timur Sabah.

Di samping kaum Melayu-Brunei, Cina, Kadazan-Dusun, dan Bajau terdapat juga sebilangan kecil orang Melayu yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang sudah lama menetap di pekan Papar. Mereka terdiri daripada guru sekolah yang telah lama berkhidmat di daerah Papar sejak tahun 1950-an. Walaupun mereka sudah tiada lagi tetapi anak-anak mereka tetap mewarisi penghidupan di sini. Selain itu terdapat juga buruh yang bekerja di ladang getah dan juga golongan peniaga dari Semenanjung Malaysia yang berhijrah atau mencari untung nasib di sini pada awal 1960-an. Sesetengahnya masih di sini dan ada juga

Walaupun penduduk pekan Papar terdiri daripada pelbagai kaum, namun kehidupan di sini berjalan dengan baik.

yang sudah meninggal dunia.

Keturunan daripada Indonesia seperti Jawa, dan Banjar juga terdapat di sini tetapi bilangannya tidaklah begitu ramai seperti di tempat lain.

Walaupun penduduk pekan Papar terdiri daripada pelbagai kaum, namun kehidupan di sini berjalan dengan baik.

Semua kaum memahami peranan masing-masing.

Yang menarik di pekan ini adalah setiap hari Ahad akan diadakan "Pasar Tamu" bagi memungkinkan para petani di sekitar pekan Papar menjual hasil pertanian mereka. Pasar Tamu bermula pada waktu pagi hinggalah ke petang. Peniaga di pasar ini kebanyakannya kaum wanita. Tempat menjual adalah di celah-celah kawasan kedai baru yang menjadi tumpuan orang ramai.

Boleh dikatakan pada hari Ahad, perniagaan di sini memang laris dan menguntungkan. Memang seronok kalau pengunjung datang ke Papar pada hari Ahad kerana dapat membeli barangan dengan harga yang murah.

Antara barangan yang dijual seperti makanan, buah-buahan, ikan, udang, dan sayuran. Yang turut dijual ialah pelbagai keluaran lain seperti pakaian tradisional dan hasil karaf tangan yang diperbuat daripada kayu, buluh, dan sebagainya.

Bukan Papar sahaja yang mengada-

kan Pasar Tamu tetapi di beberapa pekan kecil lain di negeri Sabah juga mengadakan Pasar Tamu mengikut hari-hari tertentu. Itulah cara yang memungkinkan semua penduduk setempat berjumpa, berkumpul, bertukar-tukar barangan, dan membeli barangan keperluan harian.

Sebagai sebuah pekan yang kecil dan aktiviti pekerjaan kebanyakan berdasarkan perniagaan jual beli, pekan Papar hanya hidup atau ceria pada waktu siang sahaja iaitu dari pagi hingga ke waktu petang. Waktu malam kebanyakan aktiviti perniagaan tidak dijalankan lagi.

Memandangkan pekan Papar terletak tidak berapa jauh dari Bandar Raya Kota Kinabalu, terdapat juga pesta atau pelbagai aktiviti kebudayaan yang diadakan sekali-sekala di sini bagi menghidupkan suasana kehidupan masyarakat.

Pada 4 – 5 Oktober 2003, Pesta Gambus diadakan di Dewan Masyarakat Papar. Gambus digemari oleh orang Melayu-Brunei khususnya dan orang Islam umumnya. Persembahan gambus akan lebih sedap didengar apabila ditambah dengan alat bunyi-bunyian lain seperti rebana, seruling dan juga gendang. Semasa pesta kebudayaan ini diadakan, banyak orang Melayu-Brunei yang tinggal berdekatan seperti di Putatan, Bongawan, dan Kimanis datang untuk memeriahkan pesta ini.

Dengan perubahan era pembangunan di seluruh negeri Sabah, daerah Papar juga berubah. Banyak projek perumahan yang dibina di pinggir pekan Papar. Antara kawasan yang dibangunkan ialah yang berhampiran dengan Sekolah Menengah Majakir yang menghala ke Kampung Kuala.

Dengan perubahan sosioekonomi ini bermakna generasi baru yang tinggal di daerah Papar berpeluang untuk menduduki rumah yang selesa dan tahan lama jika dibandingkan dengan rumah yang diperbuat daripada kayu yang kurang menarik lagi pada masa kini.

Kos perbelanjaan harian di pekan Papar tidaklah berapa tinggi jika dibandingkan dengan bandar-bandar besar yang lain. Makanan dan sayuran adalah murah. Oleh sebab itu ramai generasi muda dari Papar yang bekerja di Bandar Raya Kota Kinabalu tetapi tinggal di kampung halaman mereka sendiri.



Kaum Kadazan-Dusun di Papar sedang membuat persembahan kebudayaan.



Salah satu pemandangan menarik di Papar.

Mereka sanggup berulang-alik untuk pergi bekerja. Apatah lagi di pekan Papar semuanya tersedia, termasuk hospital, polis, bank, sekolah menengah, dan pusat membeli belah yang cukup memberi kepuasan dan keselesaan seluruh masyarakat yang tinggal di daerah Papar.

Secara umumnya orang tempatan yang tinggal di Papar kebanyakannya sudah maju jika dibandingkan 30 tahun yang lalu. Penulis yang pernah tinggal di daerah Papar pada tahun 1974 – 1976 merasai terkejut dengan perubahan sosio-

ekonomi yang berlaku kepada seluruh masyarakat di sekitar pekan Papar.

Pada masa kini kebanyakan mereka sudah berani melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti perniagaan dan pekerjaan yang boleh memberi pulangan yang lumayan. Pada waktu petang pun masih banyak orang yang berurus niaga di kedai-kedai baru di pekan Papar. Tidak seperti dahulu, pada waktu petang keadaan di kawasan pekan sudah sunyi kecuali hanya tinggal anak muda yang sedang bermain bola sepak di padang. **db**